

## Bab 7: Perakaunan Kos

### KONSEP KOS

- Amaun yang perlu dibayar untuk mendapatkan sesuatu barangan atau perkhidmatan.
- Kos pengeluaran - kos yang terlibat dalam proses pengeluaran.
- Diukur dalam unit wang yang mesti dibayar untuk mendapatkan barangan atau perkhidmatan.

#### 1. Kos Tetap

- Atau disebut sebagai kos malar.
- Kos yang tidak berubah mengikut perubahan tingkat aktiviti pengeluaran.
- Contoh; sewa kilang, insurans kilang, susutnilai loji dan mesin, gaji pengurus.
- Jumlah kos tetap adalah sentiasa sama walaupun pengeluaran bertambah atau berkurang.
- Kos tetap seunit akan berubah mengikut volum pengeluaran (unit keluaran / unit jualan).
- Semakin tinggi volum pengeluaran , semakin rendah kos tetap seunit dan sebaliknya.

## 2. Kos Berubah

- Kos yang berubah secara berkadar terus dengan perubahan dalam tingkat pengeluaran.
- Jumlah kos berubah akan bertambah atau berkurang pada kadar yang sama dengan perubahan dalam tingkat pengeluaran.
- Kos berubah seunit adalah tetap jika ada berlaku perubahan dalam tingkat pengeluaran.
- Contoh; kos bahan mentah, kos buruh langsung, duit atas bahan mentah, belanja langsung kilang.

## **ELEMEN KOS PENGELUARAN**

### **1. Kos bahan mentah**

o Bahan langsung atau bahan utama dalam proses pengeluaran.

o Kos Bahan Mentah = Stok Awal Bahan Mentah + Belian Bahan Mentah + Kos Yang Melibatkan Belian Bahan Mentah (Duti Atas Belian Bahan Mentah, Angkutan Atas Belian Bahan Mentah, Insurans Atas Belian Bahan Mentah) - Stok Akhir Bahan Mentah

o Akan meningkat sekiranya unit pengeluaran ditingkatkan dan sebaliknya.

### **2. Kos buruh langsung**

o Upah yang diberi kepada pekerja yang terlibat secara langsung dalam proses pengeluaran.

o Contoh; gaji kilang, upah kilang, buruh langsung.

### **3. Belanja Langsung**

o Belanja yang turut berubah secara berkadar terus dengan volum pengeluaran.

o Contoh; bayaran royalti, kos reka bentuk produk dan kos pendaftaran paten.

### **4. Kos Prima**

o Kos Bahan Mentah + Kos Buruh Langsung + Belanja Langsung.

## 5. Kos Overhed

o Kos yang tidak terlibat secara langsung dalam proses pengeluaran tetapi diperlukan untuk mengeluarkan output (meliputi semua kos pengeluaran yang bukan kos bahan dan juga bukan kos buruh langsung).

o Tidak berubah mengikut perubahan volum pengeluaran dalam jangka masa tertentu.

o Contoh;

a. Kos buruh tak langsung; gaji jurutera kilang, gaji penyelia kilang, gaji pengurus kilang dan gaji jaga kilang.

b. Bahan tak langsung; bahan api, minyak pelincir.

c. Sewa kilang.

d. Sewa loji dan mesin.

e. Susut nilai loji dan mesin.

f. Insurans kilang.

g. Pembaikan dan penyelenggaraan loji dan mesin.

h. Alat-alat kecil - perkakas-perkakas kecil yang digunakan untuk membaiki dan menyelenggara mesin dan loji di kilang; tukul, spana, nat, skru dan playar. ( Belanja Alat-alat Kecil = Stok Awal Alat-alat Kecil + Belian Alat-alat Kecil - Stok Akhir Alat-alat Kecil).

## 6. Kerja Dalam Proses

o Atau dikenali sebagai barang separuh siap.

o Barang yang telah diproses tetapi belum dapat disiapkan pada akhir tempoh perakaunan.

o Masih dalam beberapa peringkat pengeluaran.

o Akan dinilai dengan mengambil kira kos bahan mentah, kos buruh langsung dan kos overhed yang terlibat.

KOS PENGELUARAN = KOS PRIMA + KOS OVERHED

KOS PRIMA = KOS BAHAN MENTAH + KOS BURUH LANGSUNG + BELANJA LANGSUNG

KOS OVERHED = KOS BURUH TAK LANGSUNG + BELANJA TAK LANGSUNG

KOS PENGELUARAN BARANG SIAP = KOS PENGELUARAN + KERJA DALAM PROSES AWAL - KERJA DALAM PROSES AKHIR.